

18/10/1999

Pelbagai pihak kagumi Malaysia

SEPANG, Ahad - Malaysia mencatat satu lagi sejarah hari ini apabila berjaya menganjurkan perlumbaan Formula Satu (F1) Grand Prix Malaysia Petronas 1999 di Litar F1 Sepang, dalam acara yang penuh debaran, meriah dan menghiburkan.

Pujian itu diberikan oleh Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA).

Malah, litar bernilai RM286 juta yang diiktiraf terbaik di dunia, turut mendapat pujian kerana memiliki kelengkapan canggih serta dianggap luar biasa.

"Selepas seminggu di sini, saya perhatikan bahawa kemudahan Litar F1 Sepang adalah cemerlang, tahapnya begitu tinggi dan memenuhi syarat ketat FIA," kata pegawai media FIA, Klaus Kramer.

Beliau berkata, kebanyakan penonton televisyen bagi perlumbaan F1 kini adalah di kalangan orang Asia dan dengan mengadakannya di sini, ia akan menaikkan imej Malaysia kerana perlumbaan F1 adalah sukan dunia.

Calum MacDougall, jururunding dengan sebuah firma perunding berpangkalan di London yang mempromosikan perlumbaan F1 di seluruh dunia pula berkata, Malaysia seharusnya berupaya mendapat balik pelaburannya dalam masa lima tahun menjadi tuan rumah.

"Imej F1 sejajar dengan usaha Malaysia menjadi sebuah negara maju. F1 sebenarnya adalah mengenai teknologi... teknologi tinggi. Ia (F1) adalah cara terbaik mempromosi Malaysia," katanya.

Pegawai akhbar pasukan Ferrari, Claudio Berro, menyifatkan litar F1 Sepang sebagai luar biasa.

"Dua unsur utama untuk menjadikan litar terbaik, bangunan dan organisasi... anda (Malaysia) mempunyai kedua-duanya," katanya.

Pengurus pasukan Jordan Mugen-Honda, Eddie Jordan menyatakan kekagumannya terhadap Malaysia kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan melahirkan kekesalannya terhadap laporan buruk mengenai negara ini oleh wartawan asing.

"Jordan kata kenapa dia tak dengar langsung benda yang baik berkaitan Malaysia sedangkan ketika dia berada di sini dia tidak nampak langsung apa yang tidak baik, semuanya baik," kata Dr Mahathir ketika ditemui selepas perlumbaan F1 berakhir, di sini petang ini.

"Mereka cukup kagum, semua yang saya jumpa baik (Michael) Schumacher, (Mika) Hakkinen, Jordan dan pengurus-pengurus mereka, semua berkata litar ini adalah yang terbaik sekali," katanya.

(END)